From: Jabatan Komunikasi Korporat
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: UUM TERIMA 4,982 PELAJAR BAHARU TERMASUK DARI USA, KANADA DAN PERANCIS
Date: Tuesday, 15 September, 2026 2:02:52 PM
Attachments: image001.png
image004.png

Jabatan Komunikasi Korporat
CORPORATE COMMUNICATION DEPARTMENT
Universiti Utara Malaysia

UUM TODAY

UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA | THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY

15 SEPTEMBER 2026 / 3 RABIULAKHIR 1448H
==========

Oleh: Zulaidah Mat Said
Gambar oleh: Shamsaimi Ezil

UUM TERIMA 4,982 PELAJAR BAHARU TERMASUK DARI USA, KANADA DAN PERANCIS



UUM ONLINE: Sintok, 15 September 2026 – Universiti Utara Malaysia (UUM) menerima seramai 4,982 pelajar baharu bagi Semester Pertama Sesi Akademik 2026/2027 untuk mengikuti 47 program pengajian Sarjana Muda, melibatkan pelajar tempatan, antarabangsa dan mobiliti antarabangsa.

Naib Canselor UUM, Prof. Dr. Ahmad Martadha Mohamed, berkata daripada jumlah tersebut, seramai 4,661 merupakan pelajar tempatan, manakala 321 lagi terdiri daripada pelajar antarabangsa dan pelajar mobiliti antarabangsa yang menyertai komuniti akademik UUM bagi sesi pengajian kali ini.

“Bagi kemasukan pelajar tempatan, seramai 4,413 pelajar menerima tawaran melalui UPU, diikuti 246 lepasan Asasi Pengurusan UUM dan dua pelajar Inbound Mobiliti Tempatan.

“Dari segi jantina pula, kemasukan kali ini melibatkan 3,399 pelajar perempuan dan 1,583 pelajar lelaki,” katanya dalam sidang media di Anjung Tamu UUM, hari ini.



Kemasukan pelajar antarabangsa turut memperlihatkan kepelbagaian negara apabila UUM menerima 211 pelajar antarabangsa di peringkat Sarjana Muda dari 20 negara.

Menurut beliau, kehadiran pelajar dari Amerika Syarikat (USA), Kanada dan Perancis antara perkembangan yang mencuri perhatian, sekali gus memperlihatkan daya tarikan serta pengiktirafan terhadap pendidikan UUM di peringkat antarabangsa.

“Indonesia mencatat jumlah pelajar antarabangsa tertinggi dengan 127 orang, diikuti China (27), Thailand (10), Bangladesh (9), Qatar (6) dan Yaman (5).

“Pelajar dari India, Somalia dan Pakistan masing-masing berjumlah empat orang, manakala Sudan tiga orang. USA dan Arab Saudi masing-masing menyumbang dua orang pelajar, sementara beberapa negara lain termasuk Kanada turut diwakili,” katanya.



Selain itu, UUM turut menerima 110 pelajar mobiliti antarabangsa dari pelbagai negara, antaranya Indonesia seramai 50 orang, Uzbekistan (26), China (20), Pakistan (5), Perancis dan Jepun masing-masing tiga orang, Filipina dua orang serta Brunei seorang.

Dari segi program pengajian, Sarjana Muda Perakaunan dengan Kepujian merekodkan jumlah kemasukan tertinggi iaitu 446 pelajar, diikuti Sarjana Muda Sains Ekonomi dengan Kepujian seramai 259 pelajar dan Sarjana Muda Pentadbiran Perniagaan dengan Kepujian seramai 251 pelajar.

Persaingan kemasukan ke program akademik tertentu juga kekal tinggi apabila Sarjana Muda Perakaunan dengan Kepujian dan Sarjana Muda Perakaunan (Sistem Maklumat)

dengan Kepujian masing-masing merekodkan CGPA minimum 4.00 bagi lepasan STPM dan Matrikulasi.



Dalam pada itu, beliau berkata UUM terus memberi ruang kepada pelajar daripada pelbagai latar belakang apabila menerima sembilan pelajar Orang Kurang Upaya (OKU) daripada pelbagai kategori serta lapan pelajar Orang Asli bagi sesi akademik ini.

Turut menarik perhatian ialah kemasukan empat pasangan kembar yang diterima masuk ke UUM. Mereka mengikuti program Sarjana Muda Pengurusan Pelancongan dengan Kepujian, Sarjana Muda Kewangan dengan Kepujian, Sarjana Muda Pengurusan Awam dengan Kepujian dan Sarjana Muda Sains Pengurusan Perniagaantani dengan Kepujian.

Aspek kebajikan pelajar turut menjadi perhatian UUM apabila 96 pelajar daripada keluarga berpendapatan rendah (B40) menerima manfaat bantuan bagi menghadapi kekangan kewangan untuk melanjutkan pengajian di universiti.

Bantuan tersebut disalurkan menerusi dana Yuran Kebajikan serta sumbangan TH-IQRA di bawah kelolaan Pusat Zakat dan Wakaf UUM, sebagai sebahagian daripada usaha universiti memastikan kekangan kewangan tidak menjadi penghalang kepada pelajar untuk meneruskan pengajian.



Secara keseluruhannya, sehingga 30 Ogos 2026, UUM mempunyai seramai 29,030 pelajar, merangkumi 25,421 pelajar peringkat Sarjana Muda dan 3,609 pelajar pascasiswazah.

Kemasukan pelajar baharu ini memperlihatkan UUM terus menjadi pilihan pelajar tempatan dan antarabangsa untuk melanjutkan pengajian tinggi, selain mencerminkan kepelbagaian latar belakang serta pengantarabangsaan komuniti akademik UUM.

Turut hadir, Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa), Prof. Dr. Mohd Azizuddin Mohd Sani; Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni), Prof. Madya Dr. Bakti Hasan Basri; Pendaftar, Mohd Zulkifli Mohd Noor; Pengarah Hal Ehwal Akademik (HEA), Puan Azian Nafiah; dan Yang Dipertua (YDP) Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) UUM sesi 2025/2026, Muhammad Syahmi Iman bin Muhammad Rezal.



Universiti Utara Malaysia Official Website http://www.uum.edu.my

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.